

A. Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan jawapan yang paling sesuai.

demikian
tolong

belum
pernah

sila
masih

- 1 Sehingga kini, kami _____ menerima apa-apa berita daripada abang yang tinggal di asrama.
- 2 "_____ turunkan tandatangan encik di ruangan ini," kata pegawai itu kepada Encik Jamali.
- 3 Erina bertindak _____ untuk melindungi kesalahan adiknya.
- 4 _____ serahkan surat ini kepada Datuk Saleh apabila beliau datang nanti.
- 5 Pesakit itu _____ mempunyai peluang yang cerah untuk sembuh.
- 6 Hubungan saya dengan Ikram sangat akrab kerana kami _____ tinggal sekampung.

B. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Sungai Pahanglah sungai yang paling terpanjang di Semenanjung Malaysia.

- 2 Saufi memberitahu Dinesh bahawa dia bukan pandai berenang.

- 3 Tolong jangan pijak rumput di taman.

- 4 Tuk Manlah lelaki yang paling tertua sekali di Kampung Siantan.

- 5 "Jemput bersabar. Pihak kami akan membaiki lif yang rosak itu secepat mungkin," kata Encik Bakri kepada pekerja syarikat itu.

- 6 Bencana alam yang sangat amat dahsyat itu meragut ribuan nyawa.

- 7 Juga Chee Keong yang ada di rumah ketika kejadian itu berlaku.

- 8 "Usah letakkan buku yang telah kamu baca di rak asalnya," kata pustakawan itu kepada Danish.

[16 markah]